

Remaja maut bersama daun ketum dalam kemalangan

23 September 2019

Remaja maut bersama daun ketum dalam kemalangan

TANAH MERAH 23 Sept. - Seorang remaja maut selepas Proton Waja yang sarat dengan daun ketum dinaiki bersama rakannya bertembung dengan sebuah lori membawa ikan di simpang empat Yap Boon Yang, dekat sini pagi tadi.

Dalam kejadian kira-kira pukul 5.50 pagi itu, remaja berusia 16 tahun itu yang duduk di bahagian kerusi belakang maut akibat cedera parah.

Rakannya berusia 33 tahun

yang memandu kereta berkenaan patah kaki kanan dan sedang dirawat di Hospital Tanah Merah.

Ketua Polis Daerah, Deputy Superintenden Suzaimi Mohamad berkata, pemandu lori yang berusia 37 tahun dan kelindannya berumur 21 tahun tidak cedera.

Menurutnya, berdasarkan siasatan awal, kereta tersebut telah melanggar bahagian kanan lori yang dalam perjala-

nan dari arah Padang Siam menuju Jalan Wan Ahmad, di sini.

“Rempuhan itu telah menyebabkan lori tersebut terbalik ke kiri jalan dan penumpang kereta meninggal dunia di tempat kejadian.

“Mayat mangsa yang berasal dari Jeli dihantar ke Hospital Tanah Merah untuk bedah siasat,” katanya kepada pemberita, di sini.

Kemalangan tersebut telah menyebabkan daun ketum yang

dibungkus dalam plastik dan ikan bertaburan di tengah jalan.

Suzaimi memberitahu, kes itu disiasat mengikut Seksyen 41(1) (A) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

“Kenderaan yang terlibat ditahan untuk pemeriksaan di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (Puspakom).

“Daun ketum itu pula dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Tanah Merah untuk siasatan lanjut,” ujarnya.